



Benelli

P U R A P A S S I O N E D A L 1 9 1 1



SIARAN AKHBAR

BENELLI 752S AKHIRNYA MEMBUAT PENAMPILANNYA DI PASARAN MALAYSIA HARI INI



PULAU PINANG, 5 FEBRUARI 2021 - Selepas pelancaran Benelli 752S pada tahun 2018, kini ia sudah pun berada di pasaran Malaysia dengan harga saranan RM37,888.00 tidak termasuk insurans dan cukai jalan. 752S ini menampilkan reka bentuk moden, ringkas dan dinamik yang dibuat khas untuk memenuhi citarasa setiap penunggang. Untuk anda peminat motorsikal berkuasa besar ini, ia didatangi dengan tiga pilihan warna iaitu merah, hitam dan hijau.

Benelli 752S yang dilengkapi dengan kemampuan enjin empat lejang 750cc ini memiliki kuasa maksimum 76Hp apabila mencecah 8,500 r/min dan tork maksimum 67N.m pada 6,500 r/min untuk daya tarikan yang berterusan dan progresif. Apa yang menjamin perjalanan yang lancar sepanjang menunggang adalah fork terbalik Marzocchi pada suspensi hadapan manakala di bahagian belakang terdapat lengan berayun dengan monoshock boleh laras mengikut pilihan.

Yang perlu diberi perhatian semestinya mengenai keselamatan penunggang, oleh itu motorsikal seberat 226kg ini memiliki ciri-ciri sistem brek *Brembo*, dengan cakera separa terapung berdiameter 320mm di depan dan kaliper empat-piston, dan cakera berdiameter 260mm di bahagian belakang dengan caliper piston berganda berserta ABS untuk brek hadapan dan belakang.

Berbeza dengan kebiasaan, Benelli 752S menggunakan paparan *thin-film transistor* (TFT). Ini kerana, paparan TFT lebih terang dan jelas berbanding LCD biasa. Ia juga menunjukkan paparan atau pergerakan dengan lebih lancar.

Benelli 752S kini sudah pun berada di pasaran dan anda boleh mendapatkannya segera di semua premis pengedar sah Benelli. Dengan pembelian motosikal ini, anda dapat menikmati waranti dua tahun atau jarak perjalanan 20,000 km (mana yang lebih dahulu) dan perkhidmatan pembelian alat ganti dalam talian oleh MForce Bike Holdings Sdn. Bhd.



Benelli

P U R A P A S S I O N E D A L 1 9 1 1

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Jenis Enjin	Dwi-silinder, 4-lejang, 8 Injap, Penyejukan Air
Gerek & Lejang (mm)	Ø88 x 62
Sesaran (cc)	754cm ³
Kuasa Maksimum	56kW (76 Hp) pada 8,500 r/min
Tork Maksimum	67N.m pada 6,500 r/min
Nisbah Mampatan	11.5:1
Transmisi	6-kelajuan
Sistem Pelinciran	Pelincir Daya
Jenis Klac	Basah, Cakera Berbilang
Sistem Bahan Api	Suntikan Bahan Api Elektronik
Pematuhan	Euro 4
Sistem Penghidup	Elektrik
Sistem Pencucuh	TLI
Suspensi Hadapan	Fork Terbalik
Suspensi Belakang	Monoshock Boleh Laras
Brek Hadapan	320mm, Dwi Cakera Brembo Separa Terapung dengan ABS
Brek Belakang	260mm, Cakera Tunggal dengan ABS
Tayar Hadapan	120/70ZR17, Tanpa Tiub
Tayar Belakang	180/55ZR17, Tanpa Tiub
Panjang Keseluruhan (mm)	2,130
Lebar Keseluruhan (mm)	820
Tinggi Keseluruhan (mm)	1,100
Tinggi Pelana (mm)	810
Jarak Roda (mm)	1,460
Kelegaatan Tanah (mm)	180
Berat (kg)	226
Kapasiti Bahan Api (L)	14.5
Bateri	12V8Ah (Penyelenggaraan Percuma)



Benelli

P U R A P A S S I O N E D A L 1 9 1 1



MENGENAI BENELLI

Sejak dari tahun 1911, jenama Benelli adalah secara *Pure Passion*. Jenama Benelli merupakan jenama yang berkualiti, berkuasa, berteknologi tinggi dan merupakan legenda dalam segi reka bentuk di Negara Itali.

Selama lebih 100 tahun, motosikal jenama Benelli telah berjaya mendapat kekaguman yang tinggi dari pelbagai segi perjalanan jalan raya, pengembaraan, perlumbaan, arena sukan motosikal, dan sebagainya telah berjaya menunjukkan model motosikal Benelli merupakan gabungan kepelbagaian fungsi. Melalui reka bentuk daripada pusat reka bentuk negara Itali, Jenama Benelli telah berjaya menghasilkan pelbagai motosikal yang menikmati kekaguman yang tinggi di persada dunia..

Benelli. Nothing like it anywhere.

Media Enquiries

Chew Wei Xiang, Marketing Assist. Manager

Contact: 012 498 0133 | Email: marketing@mforce.my